



KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.



Telefon : 03-4047 6008
Faks : 03-4047 6108
Laman Web : www.ptpk.gov.my

Ruj. Kami: PTPK.WOR.100-1/8 (30)

Tarikh: 28 November 2016

Ketua Eksekutif /Pengarah /Pengurus
Penyedia Latihan
Berdaftar Dengan PTPK

Salam Kemahiran

Ybhg Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

MAKLUMAN PELAKSANAAN KUOTA TERBUKA TAHUN 2017 BAGI PENYEDIA LATIHAN YANG MENJALANKAN PROGRAM PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN DI BAWAH SKIM PINJAMAN PEKERJA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pada tahun 2017, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) masih melaksanakan polisi **kuota terbuka** bagi Penyedia Latihan (PL) yang menjalankan program Pinjaman Latihan Kemahiran (PLK) di bawah Skim Pinjaman Pekerja. Sehubungan dengan itu, pihak Penyedia Latihan (PL) boleh memohon kuota di bawah skim ini dan kuota diberikan kepada PL secara *First Come, First Serve Basis*. Kuota terbuka ini adalah bertakluk kepada syarat kelulusan pendaftaran PL dengan PTPK, program dan tenaga pengajar yang diluluskan, dan kemudahan yang mencukupi **serta tertakluk kepada kesediaan dana tahun semasa**.

3. Sehubungan dengan itu, permohonan kuota 2017 boleh dibuat secara **atas talian (online)** melalui laman sesawang **Sistem Pengurusan Pinjaman (SPPiv)** mulai **16 Disember 2016**. Seyogianya juga diingatkan bahawa PTPK berhak untuk meluluskan permohonan kuota, menarik semula kuota dan menyenarai hitamkan PL


Ybhg Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sekiranya mendapati PL Ybhg Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mempunyai *fraud case* yang telah dibuktikan.

4. Bagi memastikan urusan permohonan kuota dijalankan dengan lancar, bersama-sama ini disertakan tatacara permohonan kuota di bawah Skim Pinjaman Pekerja seperti di **Lampiran A**. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi Cik Norbarizah binti Abu Kassim di talian 03-4047 6188/ norbarizah@ptpk.gov.my atau Encik Muhamad Nor Hassim bin Eliasod di talian 03-4047 6152/ m.hashim@ptpk.gov.my.

Segala kerjasama Ybhg Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Berkemahiran Penggerak Ekonomi"



(DATO' ABDUL HALIM BIN MUHAMAD SALLEH)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

PERMOHONAN KUOTA PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN SECARA ATAS TALIAN

1
Pilih capaian program "Kuota Kursus"

2
Klik ikon "Mohon Kuota"

Kuota Tahun	Kod Kemahiran	Kuota Mula	Kuota Dikeluarkan	Kuota Tambahan	Jumlah Kuota	Kuota Dipulihkan	Baki Kuota
2015	EE-025-2-2012	25	25	0	25	6	19
2015	EE-326-2	100	15	0	15	24	1
2015	EE-026-2	100	15	0	15	39	1
2015	ME-026-2	30	0	0	0	0	0
2015	ME-026-3	30	6	0	6	6	0
2015	IT-006-3	25	0	0	0	0	0
2015	PE-024-2,PE-024-3	40	4	0	4	4	0
2015	EE-025-4-2012	20	20	0	20	1	19
2015	EE-025-3-2012	15	15	0	15	7	8
2015	PE-004-4-2012	50	25	0	25	7	10
2015	PE-026-4	40	15	0	15	4	11
2015	PE-024-3	40	4	0	4	4	0

3
Pilih kod kemahiran

4
Masukkan kuota yang ingin dipohon

5
Diruang catatan, PL perlu mengisi keterangan keperluan kuota yang dipohon

